

DI LUAR GELANGGANG

Bersama YUSOFF RAHMAN

'Udin' nampak
saja serius,
tapi periang
lagi peramah

17 MAY 1992

Berita Minggu

Silat

BIODATA

Nama penuh: Sheik Alau'ddin Yacoob Maricar
Tarikh lahir: 22 Ogos 1967
Persekolahan: Sekolah Rendah Telok Kurau, Sekolah Menengah Teluk Kurau
Pekerjaan: Penyelaras Latihan Jasmani
Pendorong utama dalam sukan: Allahyarham bapa, Yacoob Maricar; ibu, Aisah; anggota-anggota keluarga, rakan-rakan seperjuangan dan rakan-rakan di pejabat
Nama timangan: Udin
Tokoh yang diminati: Pak Rifai, guru silat dari Indonesia
Warna kegemaran: Biru
Makanan/minuman kegemaran: Laksa dan air tebu
Penyanyi pujaan: Michael Jackson, Paula Abdul
Kumpulan musik yang diminati: Exist dan Scorpion
Pelakon pujaan: Eddie Murphy dan Jean Van Claude
Fesyen pakaian yang digemari: *Smart dan casual*
Rancangan TV diminati: *America's Funniest Home Video*, cerita-cerita berunsurkan mempertahankan diri

BELIAU boleh mendabik dada menjadi segelintir atlit Singapura yang pernah muncul sebagai johan dunia di Belanda pada 1990.

Sedang dunia mengiktiraf ketangkasannya, kepintaran bertahan dan sepak terajang dalam sukan silat olahraga, Sheik Alau'ddin Yacoob terus menyimpan sebuah harapan apakah sumbangannya kepada negara akan mendapat penghargaan tertinggi kelak — Olahragawan Negara.

Sedang persaingan untuk dimahkotakan sebagai Olahragawan Negara semakin sengit setiap tahun, Sheik tidak mempunyai pilihan kecuali terus mengatur langkah perjuangan dalam pelbagai medan pertempuran, dalam usaha membuktikan jika kemenangan terus dapat diraihinya, maka sesungguhnya beliau wajar diberikan penghargaan sewajarnya.

Selain silat, beliau juga menggunakan sebahagian daripada masa lapangnya bermain golf, sering tunangnya, Sadih Sanusi, menjadi teman. Ada masanya, beliau juga turun ke gelanggang badminton, tetapi yang telah menjadi semacam kemestian ialah pergi ke World Gym — tempat johan Asia, Azman Abdullah, bertugas — untuk berlatih. Melihat riak wajahnya, Sheik

sesungguhnya seperti seorang pendekar — tegap, tinggi, serius. Tetapi di sebalik wajah dan bentuk badannya itu, Sheik seperti yang diakuinya, adakala sensitif orangnya, peramah dan mudah diajak berbual.

Sesuai dengan sifatnya, Sheik telah memilih Sadih, yang menurutnya, lemah lembut, manja, penyayang dan pandai mengambil hatinya.

Beginilah Sheik menghabiskan masanya dalam sehari:

PAGI: Biasanya, saya bangun sekitar 10 pagi. Walaupun saya tidur 11.30 malam, tetapi sukar bagi saya bangun awal. Telah menjadi satu kebiasaan, saya harus mandi menggunakan air panas. Saya tidak tahu kenapa saya tidak suka air sejuk. Macam mana panas cuaca, saya tetap mandi dengan air panas.

Waktu sarapan, ibu (Asiah Sidek) yang menyiapkan segala-galanya. Ibu akan menyediakan dua biji telur setengah masak, dua keping roti dan teh susu. Teh menjadi minuman kegemaran pada setiap sarapan. Biasanya, saya akan pergi ke World Gym untuk berlatih, dan tidak mempunyai masa untuk membaca akhbar atau mendengar radio.

TENGAH HARI/PETANG: Saya mula bertugas pada 12.30 tengah hari. Jadi, *lunch time* saya selalunya pada 2.10 petang. Saya harus

**KEGIATAN
MASA
LAPANG:**

Berjalan-jalan dengan tunang, Sadiyah, dan bermain golf adalah minat Sheik Alau'ddin selain menumpukan perhatian pada silat.



berterima kasih kepada tunang saya yang selalu membelikan makanan untuk saya. Tunang saya tahu apa yang menjadi kegemaran saya — daging, rendang, paru, sambal goreng, begedil dan sayur lodeh. Tetapi jika di rumah, saya makan apa yang disediakan oleh ibu.

Kalau tidak bekerja, saya kerap berjalan-jalan dengan Sadiyah. Beliau akan ikut saya, sama ada bermain-golf, sekadar pergi makan atau *shopping*.

MALAM: Jika di tempat kerja, saya biasanya akan berlatih sendiri seperti berlari sejauh 10 kilometer menggunakan *treadmill*. Ini saya lakukan setiap Isnin, Rabu dan Jumaat.

Berita Minggu

Setelah pulang ke rumah dan selesai mandi, baru saya makan malam. Lepas itu, baru baca akhbar. Sebelum tidur, saya juga akan menonton TV. Selalunya, pada 11.30 malam, saya harus berada dalam kamar tidur.

IMPIAN HIDUP: Ingin jadi pesilat terbaik dunia. Juga berharap dapat menjadi orang yang berguna kepada masyarakat. Oleh kerana saya telah menetapkan 13 Disember 1992 sebagai tarikh perkahwinan saya, maka saya berharap majlis itu akan berlangsung dengan sempurna. Apabila beristeri, saya berharap dapat menjadi suami yang

bertanggungjawab dan penyayang.

Jika ada anak lelaki, saya akan galakkannya bergiat dalam sukan mempertahankan diri. Sekurang-kurangnya beliau akan berupaya menjaga dirinya sendiri, tetapi bukan seperti pelibatan saya dalam silat yang menyertai kejohanan demi kejohanan.

FALSAFAH HIDUP: Apa yang ingin dicapai haruslah daripada titisan keringat sendiri. Juga, perlu gigih dari jika hendak berjaya. Satu perkara lagi, jangan mudah putus asa.

17 MAY 1992

PERKARA-PERKARA YANG MENJADI KEBENCIAN: Saya tak suka orang yang selalu mungkir janji.

GADIS PILIHAN: Siapa lagi jika bukan tunang saya. Tetapi sebelum berjumpa dengan buah hati, memang menjadi cita-cita saya untuk mendapatkan seorang teman hidup yang manja, lemah lembut, penyayang, memahami diri saya dan menyesuaikan diri dengan segala kegiatan saya. Gadis itu biarlah sederhana dari segi rupa, tidak semesti cantik. Yang penting, beliau harus pandai jaga diri sendiri.

Sebagai tunang, beliau sentiasa memberi galakan dan dorongan dalam apa juga bidang yang saya ceburi.